



KRITERIA GERAN PENYELIDIK BAHARU

Semakan: JKPD

Tarikh Pindaan: 13 Ogos 2025

Muka surat 1 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Objektif	Geran ini diwujudkan bertujuan sebagai pemangkin kepada penyelidik baharu UTM untuk menjalankan dan memulakan penyelidikan mengikut bidang kepakaran.
2	Syarat Permohonan	<ol style="list-style-type: none">1. Ketua Penyelidik MESTILAH staf baharu UTM bertaraf tetap yang belum sah jawatan;2. Ketua Penyelidik dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap yang telah sah jawatan dalam bidang kepakaran yang sama;3. Staf akademik yang bercuti belajar/ cuti sabbatical / cuti latihan ikhtisas tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi dibenarkan menjadi ahli projek;4. Seorang staf akademik hanya boleh mengemukakan satu sahaja permohonan geran penyelidikan dalam satu masa;5. Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu diperoleh dalam tempoh enam (6) bulan yang pertama selepas geran diaktifkan.
3	Kriteria Permohonan	Setiap proposal hendaklah memenuhi salah satu (9) Signature Research UTM : <ol style="list-style-type: none">1. <i>Sustainable and Resilient Urbanisation</i>2. <i>Next Generation Systems and Networks</i>3. <i>Smart Manufacturing and Materials</i>4. <i>Natural Product, Biorefinery and Biotechnology</i>5. <i>Energy Sustainability</i>6. <i>Water Security</i>7. <i>Smart Transportation</i>8. <i>Biomedical and Healthcare Engineering</i>9. <i>Smart Society</i>
4	Tempoh Penyelidikan	Tempoh pelaksanaan projek adalah maksimum selama 24 bulan .
5	Siling Peruntukan	Peruntukan bagi Bidang Sains & Teknologi ialah RM 20,000.00 , dan bagi Bidang Sains Sosial ialah RM 10,000.00 . Penetapan siling peruntukan ini hendaklah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada pihak universiti.



KRITERIA GERAN PENYELIDIK BAHARU

Semakan: JKPD

Tarikh Pindaan: 13 Ogos 2025

Muka surat 2 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN																										
6	Peraturan Kewangan	<p>Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan universiti bagi setiap perbelanjaan seperti berikut:</p> <p>V11000 (Upah/Gaji/Elaun)</p> <p>Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) / SLPP SRA / Pembantu Penyelidik (RA) / lantikan pelajar dan biasiswa dengan mengikut kadar bayaran yang dicadangkan:</p> <p>1. Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP GRA)* Kadar elaun sara hidup pelajar:</p> <table border="1"><thead><tr><th>Pengajian</th><th>Elaun sara hidup / bulan</th></tr></thead><tbody><tr><td>Sarjana</td><td>RM 1,800.00 - RM 2,000.00</td></tr><tr><td>PhD</td><td>RM 2,300.00 - RM 2,500.00</td></tr></tbody></table> <p><i>*tertakluk kepada kelulusan</i></p> <p>2. Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP SRA)* Kadar elaun sara hidup pelajar:</p> <table border="1"><thead><tr><th>Pengajian</th><th>Kadar/Jam (RM)</th><th>Kadar/Hari (RM)</th><th>Elaun sara hidup / bulan</th></tr></thead><tbody><tr><td>STPM/ Matrikulasi</td><td>7.50</td><td>60.00</td><td>RM 1,560.00</td></tr><tr><td>Diploma</td><td>8.50</td><td>68.00</td><td>RM 1,768.00</td></tr><tr><td>Sarjana Muda</td><td>10.50</td><td>84.00</td><td>RM 2,184.00</td></tr><tr><td>Sarjana</td><td>13.50</td><td>108.00</td><td>RM 2,808.00</td></tr></tbody></table> <p><i>*tertakluk kepada kelulusan</i></p>	Pengajian	Elaun sara hidup / bulan	Sarjana	RM 1,800.00 - RM 2,000.00	PhD	RM 2,300.00 - RM 2,500.00	Pengajian	Kadar/Jam (RM)	Kadar/Hari (RM)	Elaun sara hidup / bulan	STPM/ Matrikulasi	7.50	60.00	RM 1,560.00	Diploma	8.50	68.00	RM 1,768.00	Sarjana Muda	10.50	84.00	RM 2,184.00	Sarjana	13.50	108.00	RM 2,808.00
Pengajian	Elaun sara hidup / bulan																											
Sarjana	RM 1,800.00 - RM 2,000.00																											
PhD	RM 2,300.00 - RM 2,500.00																											
Pengajian	Kadar/Jam (RM)	Kadar/Hari (RM)	Elaun sara hidup / bulan																									
STPM/ Matrikulasi	7.50	60.00	RM 1,560.00																									
Diploma	8.50	68.00	RM 1,768.00																									
Sarjana Muda	10.50	84.00	RM 2,184.00																									
Sarjana	13.50	108.00	RM 2,808.00																									



KRITERIA GERAN PENYELIDIK BAHARU

Semakan: JKPD

Tarikh Pindaan: 13 Ogos 2025

Muka surat 3 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN												
	Peraturan Kewangan	<p>3. Pegawai Penyelidik (Q41RA) / Penolong Pegawai Penyelidik (Q29RA)/ Pembantu Penyelidik (Q19RA) *</p> <p>3.1 Siling gaji adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh pihak UTM. Calon hendaklah bukan bertaraf pelajar; dan</p> <p>3.2. Bidang tugas yang dilantik mestilah yang berkaitan dengan skop penyelidikan yang telah diluluskan untuk projek tersebut sahaja.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Lantikan</th> <th>Kelayakan</th> <th>Tangga Gaji (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembantu Penyelidik (Q1R)</td> <td>SPM</td> <td>RM1,500 - RM4,680</td> </tr> <tr> <td>Penolong Pegawai Penyelidik (Q5R)</td> <td>STPM / Diploma</td> <td>RM1,650 - RM6,620</td> </tr> <tr> <td>Pegawai Penyelidik (Q9R)</td> <td>Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana / PhD</td> <td>RM2,250 - RM11,110</td> </tr> </tbody> </table> <p>*tertakluk kepada kelulusan</p> <p>3.3 Bajet bayaran gaji perlu mengambil kira peruntukan untuk potongan KWSP dan SOCSO bagi caruman majikan seperti berikut:</p> <p>3.4 KWSP (potongan majikan) – 13% daripada gaji yang diterima;</p> <p>3.5 SOCSO (potongan majikan) – berdasarkan kadar caruman yang ditetapkan (rujuk laman web www.perkeso.gov.my).</p> <p>V21000 (perjalanan & pengangkutan)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan; 2. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup mestilah tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan projek; 3. Perjalanan ke luar negara adalah dibenarkan hanya sekali sahaja sepanjang tempoh geran bagi Ketua Penyelidik, penyelidik bersama dan pelajar, tertakluk kepada kecukupan peruntukan geran yang telah diluluskan. Namun demikian kehadiran pelajar yang dilantik di bawah skim NYR/GRA adalah terhad ke persidangan di negara-negara ASEAN sahaja. Permohonan bagi aktiviti lain di luar negara untuk pelajar adalah tidak dibenarkan; 4. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan adalah bagi menghadiri persidangan untuk membentangkan kertas kerja; 5. Pelajar yang dilantik di bawah skim NYR/GRA dibenarkan menghadiri persidangan, seminar, bengkel atau aktiviti penyelidikan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan mereka di dalam negara menggunakan peruntukan geran ini. <p>V24000 (sewaan / perhubungan dan utiliti)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. <p>V27000 (bekalan & bahan penyelidikan)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. 	Lantikan	Kelayakan	Tangga Gaji (RM)	Pembantu Penyelidik (Q1R)	SPM	RM1,500 - RM4,680	Penolong Pegawai Penyelidik (Q5R)	STPM / Diploma	RM1,650 - RM6,620	Pegawai Penyelidik (Q9R)	Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana / PhD	RM2,250 - RM11,110
Lantikan	Kelayakan	Tangga Gaji (RM)												
Pembantu Penyelidik (Q1R)	SPM	RM1,500 - RM4,680												
Penolong Pegawai Penyelidik (Q5R)	STPM / Diploma	RM1,650 - RM6,620												
Pegawai Penyelidik (Q9R)	Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana / PhD	RM2,250 - RM11,110												



KRITERIA GERAN PENYELIDIK BAHARU

Semakan: JKPD

Tarikh Pindaan: 13 Ogos 2025

Muka surat 4 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN
	Peraturan Kewangan	<p>V28000 (penyelenggaraan dan ubah suai)</p> <ol style="list-style-type: none">Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan;Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini. <p>V29000 (perkhidmatan ikhtisas)</p> <ol style="list-style-type: none">Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran/kos bengkel/latihan berkaitan dengan pembangunan bakat, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan;Pembayaran honorarium kepada ketua penyelidik dan penyelidik bersama tidak dibenarkan;Upah kepakaran (maksimum) berkelulusan PhD : RM 2,000; Sarjana : RM 1,500; Sarjana Muda : RM 1,200. Hanya dua (2) kali lantikan sahaja dibenarkan sepanjang tempoh geran aktif. <p>V35000 (peralatan dan aksesori)</p> <ol style="list-style-type: none">Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan;Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek. <p>Kawalan Peruntukan:</p> <ol style="list-style-type: none">Tidak dibenarkan membuat pindaan keluar daripada vot 11000;Tidak dibenarkan membuat pindaan masuk ke dalam vot 21000 kecuali bagi tujuan pengumpulan data sepertimana Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh;Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat dan tuntutan perlu dilakukan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan;Perbelanjaan projek mestilah dirancang secara berhemah serta menyokong projek yang dijalankan;Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan;Perbelanjaan yang dibenarkan adalah berdasarkan perincian dan peruntukan geran yang telah diluluskan.
7	Output Penyelidikan	<p>Output penyelidikan projek adalah:</p> <p>PENERBITAN :</p> <ol style="list-style-type: none">Satu (1) penerbitan berindeks dalam WOS / Scopus / ERAPenghargaan kepada Geran Penyelidik Baharu, UTM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Format adalah seperti berikut: Universiti Teknologi Malaysia, Geran Penyelidik Baharu, serta no rujukan geran/no. cost centerPenghargaan bagi setiap penerbitan hanya terhad kepada 2 geran penyelidikan sahaja.



KRITERIA GERAN PENYELIDIK BAHARU

Semakan: JKPD

Tarikh Pindaan: 13 Ogos 2025

Muka surat 5 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN
	Output Penyelidikan	GERAN LUAR: 1. Ketua Penyelidik yang berjaya menerima geran Geran Penyelidik Baharu adalah WAJIB memohon geran daripada agensi/institusi di luar UTM. Permohonan perlulah melalui proses semakan/penilaian/sokongan di peringkat RMC/RA melainkan tiada keperluan; 2. Setiap rekod permohonan geran luar perlu dimaklumkan kepada pihak Unit Pemantauan RMC/muat naik proposal yang dihantar dalam modul Progress Report di RADIS.
8	Proses Permohonan	1. Permohonan bagi Geran Penyelidik Baharu mestilah diisi secara atas talian di https://radis.utm.my ; 2. Pemohon perlu memuatnaik kertas cadangan (proposal) dalam akaun (class) Turnitin yang disediakan (akan dimaklumkan semasa sesi taklimat pembukaan geran), dan laporan yang telah dijana perlu dilampirkan dalam sistem RADIS semasa penghantaran permohonan; 3. Permohonan yang tidak lengkap dan dihantar selepas tarikh tamat permohonan adalah ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
9	Penilaian Proposal	1. Permohonan akan disemak dan dinilai oleh panel yang dilantik di peringkat Pejabat <i>Research Alliance</i> berdasarkan bidang kepakaran yang bersesuaian dengan <i>niche proposal</i> . 2. Peratusan yang dibenarkan mestilah maksimum 20% persamaan (Similarity Index) dengan penulisan sedia ada.
10	Keputusan	1. Keputusan penilaian dan pemilihan proposal akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dana (JKPD); 2. Keputusan yang diumumkan adalah MUKTAMAD .
11	Pemantauan Projek	1. Pemantauan Geran Penyelidik Baharu dijalankan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun; 2. Setiap projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan Geran Penyelidikan sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan; 3. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut: 3.1. Prestasi carta perbatuan; dan 3.2. Prestasi kewangan; dan 3.3. Pencapaian KPI; dan 3.4. Bukti penghantaran / status permohonan geran luar selepas geran diaktifkan. 4. Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPD, projek akan diklasifikasikan sebagai: 4.1. DIGANTUNG (SUSPENDED) 4.1.1. Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan; 4.1.2. Jika tiada permohonan geran luar dalam tempoh 12 bulan pertama. 4.2. DITAMATKAN (TERMINATED) 4.2.1. Jika tiada aktiviti atau perbelanjaan dibuat dalam tempoh 3 bulan geran AKTIF selepas dua (2) kali peringatan diberikan.



KRITERIA GERAN PENYELIDIK BAHARU

Semakan: JKPD

Tarikh Pindaan: 13 Ogos 2025

Muka surat 6 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN
12	Penutupan/ Penamatan Geran	<ol style="list-style-type: none">1. Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat geran penyelidikan;2. Ketua Penyelidik perlu menghantar fail <i>Online Claim</i> selepas projek tamat ke Bahagian Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen dan penutupan geran;3. Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Penyelidik apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Bahagian Kewangan RMC;4. Kegagalan melengkapkan dan menghantar fail <i>Online Claim</i> dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna & memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang;5. Ketua Penyelidik boleh disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) kali peringatan dihantar.
13	Perihal Kriteria	<ol style="list-style-type: none">1. Penyediaan kriteria: Pejabat UTM Research Alliances dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC);2. Kelulusan kriteria : JKPD pada 13 Ogos 2025.



KRITERIA GERAN PENYELIDIK BAHARU

Semakan: JKPD

Tarikh Pindaan: 13 Ogos 2025

Muka surat 7 Daripada 7

Carta alir permohonan Geran Penyelidik Baharu:

Pegawai Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
KP		Menghantar permohonan melalui RADIS
Panel Teknikal		Mengesahkan proposal melepasi elemen penilaian teknikal (<i>Technical Knockout (TKO)</i>)
RA		Mengenal pasti panel pakar bidang
RA		Menganjurkan sesi penilaian/ pembentangan proposal
Panel		Menilai proposal
Pengarah RMC		Membentangkan keputusan akhir kepada ahli JKPD
RMC		Mengumumkan keputusan
PT/RM		Memberi khidmat nasihat pendaftaran geran dan mengaktifkan geran bagi permohonan yang telah berjaya
		Tamat